SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
ARAS 8, BLOK C7, KOMPLEKS C
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62520 PUTRAJAYA.

*Telefon : 03-8885 6000*
*Fax : 03-8888 5039*
*Web:http://www.spa.gov.my*

MOODY INTERNATIONAL
ISO 9001:2008 Certified

Ruj. Kami: SPA.S(KT)015/66(15)

Tarikh : 6 Mei 2010

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan Ketua Menteri Melaka
Seri Negeri, Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
**MELAKA**
**(u.p.: Encik Roslan bin Mat Nong)**

Tuan,

**PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN PEMBANTU RENDAH HAL EHWAL ISLAM GRED S11 KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S17 BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU RENDAH HAL EHWAL ISLAM MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 13 TAHUN 2009**

Dengan hormatnya surat tuan rujukan JKMM/PSM/717/2 Jld.3(28) bertarikh 14 April 2010 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah **meluluskan** pertukaran pelantikan melalui opsyen bagi empat (4) orang Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam Gred S11 di **Lampiran A** ke skim perkhidmatan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17 berikutan penjumudan skim perkhidmatan Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam di Jabatan Ketua Menteri Melaka mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2009.

3. Bagi melaksanakan opsyen tersebut, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah membuat keputusan berikut:

(i) mewakilkan kuasa kepada Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka untuk menawarkan opsyen kepada pegawai;

(ii) tempoh opsyen adalah selama **30 hari** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan;

(iii) tarikh kuat kuasa opsyen ialah pada **2 Julai 2009;**

(iv) gaji yang ditawarkan adalah seperti ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2009; dan

(v) mewakilkan kuasa kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka untuk melaksanakan urusan pengesahan dalam perkhidmatan kepada pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan yang terdahulu.

4. Selaras dengan keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini, Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka hendaklah mengeluarkan surat tawaran opsyen, borang opsyen dan syarat-syarat opsyen mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2009 kepada semua pegawai yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**'BERSAMA MENGGALAS TRANSFORMASI'**
**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

**(IZA ILLANI BINTI MOHD ALI)**
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Malaysia

No. Tel : 03-88856211
No. Faks : 03-88885039
e-mail : illani@spa.gov.my